

## APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN SYARIKAT? WHAT IS MEANT BY A COMPANY?

Pada amnya Syarikat bermakna Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad.  
*Generally a company means a Private Limited Company or a Limited Company.*

## APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KOPERASI? WHAT IS MEANT BY A CO-OPERATIVE SOCIETY?

Koperasi termasuk semua koperasi yang telah didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.  
*Co-operative Society means a co-operative society registered under any written law relating to the registration of co-operative societies in Malaysia.*

## APAKAH PUNCA PENDAPATAN YANG PERLU DILAPORKAN OLEH SYARIKAT DAN KOPERASI? WHAT ARE THE SOURCES OF INCOME REQUIRED TO BE REPORTED BY A COMPANY AND CO-OPERATIVE SOCIETY?

Semua **SYARIKAT** dan **KOPERASI** yang bermastautin di Malaysia dikehendaki membuat kenyataan mengenai pendapatan terakru dalam atau diperolehi dari Malaysia atau diterima dalam Malaysia daripada luar Malaysia bagi sesuatu tahun taksiran.  
*All COMPANIES and CO-OPERATIVE societies residing in Malaysia are required to make a declaration on income accrued in or derived from Malaysia or received from outside Malaysia for a year of assessment.*

Syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia dikehendaki membuat kenyataan mengenai pendapatannya kepada Cawangan Tidak Bermastautin, Tingkat 10 & 11, Blok 11, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur.  
*Non-resident companies in Malaysia are required to make a declaration of income to the Non-resident Branch, 10 & 11 Floor, Block 11, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur.*

## BILA SESEBUAH SYARIKAT ITU DIANGGAP BERMASTAUTIN DI MALAYSIA? WHEN IS A COMPANY CONSIDERED TO BE A RESIDENT IN MALAYSIA?

Pada amnya sesebuah syarikat itu dianggap bermastautin di Malaysia jika pengurusan dan kawalan urusniaganya dijalankan di Malaysia.  
*Generally a company is considered to be a resident in Malaysia if the management and control of its business are exercised in Malaysia.*

## SIAPA YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI PERCUKAIAN SYARIKAT? WHO ARE THE PERSONS RESPONSIBLE FOR THE TAX AFFAIRS OF THE COMPANY?

- Pengarah-Pengarah Syarikat.  
*Directors of the Company.*
- Setiausaha Syarikat.  
*Secretary of the Company.*
- Pengurus atau Pegawai Utama.  
*Manager or Principal officer.*
- Sesiaapa yang menjalankan fungsi atau tugas orang-orang tersebut seperti di atas.  
*Anybody who performs the functions or duties of the above named persons.*

## APAKAH JENIS BORANG NYATA YANG PERLU DIISI OLEH 'SYARIKAT' DAN 'KOPERASI'? WHAT TYPE OF RETURN FORMS MUST BE COMPLETED BY A 'COMPANY' AND A 'CO-OPERATIVE SOCIETY'?

Setiap tahun, Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan Borang Nyata untuk diisi dan dikembalikan.  
Borang-borang tersebut ialah:

- Borang C — 'SYARIKAT'  
Borang C1 — 'KOPERASI'

*Each year the Inland Revenue Board issues Return Forms for completion and submission. The Forms are:*

- Form C for Company  
Form C1 for Co-operative Society*

## PENGELUARAN BORANG NYATA UNTUK SYARIKAT GENERAL ISSUE OF RETURN FORMS FOR COMPANIES

Borang C akan dikeluarkan tiap-tiap suku tahun mulai Tahun Taksiran 2000 (Tahun Semasa).  
*Form C is issued on a quarterly basis with effect from Year of Assessment 2000 (Current Year).*

Tahun Berakhir/Year Ending

- ◆ Januari, Februari, Mac  
*January, February, March*  
Pengeluaran dalam bulan April.  
*Issue in April.*
- ◆ April, Mei, Jun  
*April, May, June*  
Pengeluaran dalam bulan Julai.  
*Issue in July.*

♦ Julai, Ogos, September  
*July, August, September*

♦ Oktober, November, Disember  
*October, November, December*

Pengeluaran dalam bulan Oktober.  
*Issue in October.*

Pengeluaran dalam bulan Januari tahun berikutnya.  
*Issue in January the following year.*

## BAGAIMANA ANDA HARUS MENGISI BORANG C/C1? HOW DO YOU COMPLETE FORM C/C1?

- Pastikan semua pendapatan yang diterima dilaporkan.  
*Please ensure that all income received and receivable is declared.*
- Borang C/C1 yang dipenuhi mestilah ditandatangani oleh Pengarah Syarikat atau Setiausaha Syarikat. Pastikan semua ruangan dalam Borang tersebut dipenuhi dengan lengkap.  
*Completed Form C/C1 must be signed by the Company's Director or Company's Secretary. Please ensure all columns in the returns are completed accordingly.*

## APA ANDA PERLU BUAT JIKA BORANG C1 TIDAK DITERIMA PADA AWAL TAHUN? WHAT MUST YOU DO IF YOU DO NOT RECEIVE FORM C1 AT THE BEGINNING OF THE YEAR?

Jika Borang C1 tidak diterima pada akhir bulan Mac, anda dinasihati supaya segera menghubungi Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berhampiran untuk mendapatkan Borang Nyata berkenaan dan keterangan lanjut.  
*If Form C1 is not received by the end of March, you are advised to immediately contact the nearest Branch of the Inland Revenue Board to get a copy of the required form and explanation.*

## APAKAH HAD MASA YANG DIBENARKAN UNTUK MENGEMBALIKAN BORANG C/C1? WHAT IS THE TIME LIMIT TO SUBMIT FORM C/C1?

Borang C hendaklah dikembalikan dalam tempoh **6 bulan** selepas penutupan akaun.  
*Form C must be completed and submitted within **6 months** after the close of its accounting period.*

Borang C1 hendaklah dikembalikan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ianya dikeluarkan. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak akan mengenakan denda jika Borang C1 diterima pada atau sebelum 31 Mei.  
*Form C1 is required to be submitted within 30 days from the date of issue. The Inland Revenue Board will not impose a penalty if Form C1 is received on or before 31 May.*

## BAGAIMANA HENDAK MEMOHON LANJUTAN MASA? HOW TO APPLY FOR AN EXTENSION OF TIME?

Permohonan lanjutan masa untuk mengembalikan Borang C1 selepas 31 Mei boleh dipertimbangkan. Permohonan ini hendaklah dibuat secara bertulis dengan menyatakan perkara-perkara berikut:  
*Application for an extension of time to submit Form C1 after 31 May may be considered. The application should be made in writing stating the following:*

- Tarikh lanjutan masa dipohon (tidak lewat daripada 31 Julai).  
*Required date of extension of time (not later than 31 July).*
- Tarikh akaun ditutup/Tahun Kewangan Berakhir.  
*Closing date of Accounts or Financial year-end.*
- Sama ada syarikat telah membuat bayaran ansuran di bawah Seksyen 107B Akta Cukai Pendapatan 1967.  
*Whether company is paying under the instalment payment scheme of Section 107B, Income Tax Act 1967.*

Permohonan lanjutan masa untuk mengembalikan Borang C1 perlu dibuat sebelum 14 April tiap-tiap tahun.  
*Application for extension of time to submit Form C1 should be made before 14 April every year.*

## PENDAFTARAN FAIL BAGI SYARIKAT YANG BARU REGISTRATION OF FILES FOR NEW COMPANIES

Apabila sebuah syarikat ditubuhkan di Malaysia dan memulakan operasi/menjalankan perniagaan, sila pastikan fail cukai pendapatan syarikat berkenaan didaftarkan dengan Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berhampiran. Anda juga dikehendaki memastikan fail majikan didaftarkan.

*When a new company is incorporated in Malaysia and commences operation, please ensure that an income tax file for the company is registered at the nearest branch of the Inland Revenue Board. You are also required to ensure that an employer's file is registered.*

## KADAR CUKAI SYARIKAT RATE OF TAX FOR A COMPANY

Tahun Taksiran Year of Assessment	Cukai Pendapatan Income Tax
1995	30%
1996	30%
1997	30%
1998 dan berikutnya and subsequent years	28%

## KADAR CUKAI KOPERASI RATE OF TAX FOR CO-OPERATIVE SOCIETY

Tahun Taksiran Year of Assessment	2002
RM1- RM20,000	0%
RM20,001- RM30,000	3%
RM30,001- RM40,000	6%
RM40,001- RM50,000	9%
RM50,001- RM75,000	12%
RM75,001- RM100,000	16%
RM100,001- RM150,000	20%
RM150,001- RM250,000	23%
RM250,001- RM500,000	26%
RM500,001 dan seterusnya <i>and above</i>	28%

## PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIELAKKAN MATTERS WHICH SHOULD BE AVOIDED

- Gagal mengembalikan Borang C/C1 yang lengkap (termasuk penyata kira-kira yang diaudit dan pengiraan cukai pendapatan untuk koperasi) dalam tempoh yang ditetapkan.  
*Failure to submit completed Form C/C1 (including statement of Audited Accounts and Computation of Tax for co-operative society) within the stipulated period.*
- Membuat kenyataan palsu dalam Borang C/C1  
*False declaration in Form C/C1*
- Gagal melapor pendapatan sebenar.  
*Failure to declare the actual income.*
- Gagal memberitahu maklumat tertentu yang dikehendaki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.  
*Failure to give the necessary information required by the Inland Revenue Board.*
- Gagal melaporkan pertukaran alamat.  
*Failure to inform any change of address.*

## SISTEM TAKSIR SENDIRI BAGI SYARIKAT SELF ASSESSMENT SYSTEM FOR COMPANIES

Sistem Taksir Sendiri telah dilaksanakan bagi syarikat mulai tahun taksiran 2001. Di bawah sistem ini, syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai, membuat bayaran cukai dan mengemukakan Borang Nyata C kepada LHDN.  
*The Self Assessment System was introduced for companies from year of assessment 2001. Under this system, companies are required to furnish estimate of tax, make payment of tax and file the Return Form C to IRB.*

### ANGGARAN CUKAI TAX ESTIMATE

#### ➤ Mengemukakan Anggaran Cukai Furnishing Tax Estimate

Syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar dalam borang yang ditetapkan (CP 204) kepada LHDN tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh atas sesuatu tahun taksiran.

*A company is required to furnish an estimate of its tax payable in a prescribed form (CP 204) to IRB not later than 30 days before the beginning of its basis period for a year of assessment.*

**Borang CP 204** hendaklah dikembalikan kepada:  
*Form CP 204 has to be submitted to:*

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI,  
Pusat Pemprosesan,  
Tingkat 2, Blok 8A,  
Kompleks Bangunan Kerajaan,  
Jalan Duta,  
Karung Berkunci 11055,  
50990 KUALA LUMPUR.**

#### NOTA/NOTE:

Bagi Syarikat yang baru mula beroperasi dalam suatu Tahun Taksiran, **Borang CP 204** hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh **3 bulan** daripada tarikh mula beroperasi.

*Where a Company first commences operation in a year of assessment, furnish **Form CP 204** to Inland Revenue Board within **3 months** from the date of commencement of operation.*

### Borang Ditetapkan Prescribed Form

➤ LHDN akan menghantar Borang yang ditetapkan (CP 204) kepada syarikat. Sekiranya syarikat tidak menerima borang tersebut, borang-borang ini juga boleh didapat di semua pejabat LHDN.  
*The prescribed form (CP 204), will be issued by IRB to companies. In the event if companies did not receive the form, these forms are also available at all IRB Offices.*

## Asas Anggaran Basis Of Estimate

➤ Anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan oleh syarikat bagi tahun semasa tidak boleh kurang daripada anggaran cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran yang sebelum sahaja tahun taksiran itu.

*The estimate of tax payable for a current year furnished by a company shall not be less than the estimate of tax to be paid for the immediate preceding year of assessment.*

### Pindaan Anggaran Revising The Estimate

➤ Syarikat boleh memohon untuk membuat pindaan ke atas anggaran cukai yang kena dibayar dalam bulan ke 6 dalam tempoh atas sesuatu tahun taksiran dengan mengisi borang yang ditetapkan (CP 204A).

*A company may apply to revise its estimate of tax payable in the sixth month of the basis period for a year of assessment. The application for revision can be done using the prescribed form (CP 204A).*

3



# PANDUAN PERCUKAIAN UNTUK SYARIKAT DAN KOPERASI

**INCOME TAX GUIDE  
FOR COMPANIES AND  
CO-OPERATIVE SOCIETIES**

*Memberi Khidmat*

**MESRA  
MEMBANTU  
MEMUASKAN**